



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
ARAS 6 - 10, BLOK C7, KOMPLEKS C  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62520 PUTRAJAYA.

Telefon : 03-8885 6000  
Fax : 03-8888 5036

Ruj. Kami : SPA(KT) 217/3015 (26)

Tarikh : // Mei 2009

Edaran Seperti di Lampiran

Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBERIAN TARAF BERPENCEN  
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 19 TAHUN 2008  
TAWARAN OPSYEN SEMULA KEPADA ANGGOTA YANG TELAH MEMILIH  
SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Tuan/Puan, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 24 Disember 2008 dengan memberi peluang kepada pegawai yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991 yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berdasarkan kepada pindaan Seksyen 6A Akta 227 dan Seksyen 6A Akta 239.

3. Untuk makluman Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Tuan/Puan, opsyen semula telah boleh dibuat mulai 1 Januari 2009 dan pegawai dikehendaki menyerahkan Borang Opsyen Semula kepada Ketua Jabatan masing-masing sebelum 1 Februari 2009. Opsyen semula pegawai di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 adalah berkuat kuasa pada **1 Februari 2009** dan pemilihan pegawai adalah **muktamad**. Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008, adalah menjadi tanggungjawab Ketua

Jabatan untuk memperakukan secepat mungkin setiap pegawai yang memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain melalui opsyen semula ini kepada Pihak Berkuasa Melantik untuk diberi taraf berpencen mengikut prosedur yang berkuatkuasa pada masa kini seperti di perenggan 8(iv); dan memastikan pemberian opsyen semula kepada pegawai diuruskan segera dalam tempoh sebulan selepas pengesahan perkhidmatannya dimaklumkan seperti di perenggan 8 (viii).

4. Daripada pemerhatian yang dilakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berdasarkan bilangan perakuan yang diterima daripada Kementerian/Jabatan, didapati masih terdapat Kementerian/Jabatan yang belum mengambil tindakan mengemukakan perakuan opsyen semula pencen pegawai ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk tindakan kelulusan pemberian taraf berpencen walaupun pegawai telah dikehendaki menyerahkan Borang Opsyen Semula kepada Ketua Jabatan sebelum 1 Februari 2009. Suruhanjaya berpandangan tempoh tiga (3) bulan adalah mencukupi untuk Pengurus Sumber Manusia Kementerian/Jabatan mengumpul dan mengemukakan ke Suruhanjaya untuk pemberian taraf berpencen.

5. Sehubungan itu, Suruhanjaya memohon kerjasama semua Pengurus Sumber Manusia Kementerian/Jabatan mengemukakan perakuan opsyen semula pegawai yang dilantik oleh SPA ke Suruhanjaya dengan kadar segera iaitu pada atau sebelum **29 Mei 2009** untuk kelulusan pemberian taraf berpencen kepada pegawai. Dokumen yang perlu dikemukakan bagi tujuan ini adalah seperti berikut:

- 5.1 Borang Opsyen Semula mengikut **Lampiran B** – Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 yang telah dilengkapkan oleh pegawai dan disahkan oleh Ketua Jabatan;
- 5.2 salinan Buku Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang kemas kini dan telah dicatatkan maklumat pilihan opsyen semula pegawai mengikut **Lampiran C** - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008; dan

5.3 **Jadual Keenam – Perakuan Pemberian Taraf Berpencen** oleh Ketua Jabatan, mengikut Peraturan 36, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.


6. Perakuan opsyen semula yang diterima oleh Suruhanjaya selepas 29 Mei 2009 tidak akan diproses oleh Suruhanjaya untuk pemberian taraf berpencen dan Suruhanjaya beranggapan pegawai tersebut disifatkan kekal di bawah skim KWSP.

7. Kerjasama dan tindakan segera Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/ Tuan/Puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(CHAN HONG JIN)**  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia.